

KENYATAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGENAI PENGELUARAN BOND-BOND PERTAHANAN NEGARA DI PERSIDANGAN AKHBAR YANG TELAH DIDAKAN DI KUALA LUMPUR PADA 6 JULAI, 1965

Saya amat sukacita pada malam ini kerana dapat bercakap dengan tuan-tuan dan puan-puan berkenaan dengan pengeluaran bond-bond untuk membiayai pertahanan dan keselamatan negara kita menentang konfrantasi Indonesia. Pada hari ini kita terpaksa, akibat konfrantasi dan kerana hendak mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita, menggunakan wang sebanyak \$1,600,000/= tiap-tiap hari kerana pertahanan dan keselamatan negara ini.

Ini perlu kita membelanjainya untuk keselamatan kita dan untuk menjaga cara hidup kita. Sungguhpun begitu, pembangunan negara kita mestilah juga dijalankan walaupun konfrantasi berada di samping kita. Adalah sangat mustahak pembangunan negara dan luar bandar itu diteruskan kerana kita mesti menentang konfrantasi Indonesia bukan sahaja di medan tentera tetapi dalam lapangan ekonomi juga. Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan Pusat melalui Bank Negara, akan mengeluarkan Bond-bond Pertahanan pada 14 Julai, 1965. Saya menyeru kepada semua rakyat yang taat setia kepada negara ini, apa lagi mereka yang kaya dan gedung-gedung perniagaan yang besar supaya membeli bond-bond ini. Saya ketahui dan sedar bahawa bukan semua orang dapat memikul senapang untuk mempertahankan negara Malaysia, tetapi tiap-tiap seorang boleh memberi sumbangan masing-masing dalam mempertahankan negara Malaysia dengan membeli bond-bond ini. Saya berterima kasih kepada mereka yang telah memberi sumbangan bagi mempertahankan negara Malaysia pada masa-masa yang lepas dan saya berharap ramai lagi rakyat yang taat setia kepada negara ini akan memberi pertolongan mereka kepada pertahanan negara kita.

Dengan tidak payah saya menerangkan dengan seluas-luasnya, Bond ini adalah suatu rancangan yang sangat menarik untuk tiap-tiap rakyat menyimpan wang dan juga dalam masa ini menolong membiayai negaranya untuk mempertahankan diri dari pencerobohan dan konfrantasi. Tiap-tiap bond ini akan berharga sekecil-kecilnya \$50/= dan tiap-tiap seorang boleh membeli hingga \$50,000/=. Faedah tiap-tiap tahun ialah sebanyak 5% dan akan meningkat hingga 5%%.

Pada bulan April tahun hadapan bond-bond ini boleh ditukarkan kembali dengan wang dan harganya adalah dijamin oleh Kerajaan Pusat. Dengan ini tuan-tuan semua sedia maklum bahawa bond-bond ini sangatlah menarik kerana selain daripada tuan-tuan dapat menyimpan wang dengan mendapat faedah, tuan-tuan juga memberi sumbangan untuk perbelanjaan mempertahankan Malaysia. Bond-bond ini boleh tuan-tuan beli dari Pejabat-pejabat Pos, Bank-bank dan Stock Broker di seluruh Malaysia. Saya harap seramai-ramai rakyat yang taat setia kepada negara ini akan mengambil peluang yang cemerlang ini.